

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Malaysia keluar ubat sendiri 2 tahun lagi	Harian Metro
2	MOSTI dan Kementerian Kesihatan jalin kerjasama strategik hasil ubatan biologik	Bernama.com
3	Coklat keluar saluran sama diuji	Berita Harian
4	Keputusan status halal tujuh hari lagi	Kosmo
5	Tujuh hari tempoh beri keputusan analisis	Sinar Harian
6	JAKIM periksa rantaian pengeluar	Harian Metro
7	JAKIM buat pemeriksaan menyeluruh	Utusan Malaysia
8	Health ministry to check all Cadbury products	New Straits Times
9	Accidentally contaminated?	The Sun
10	Keputusan rasmi status halal coklat Cadbury dalam tempoh tujuh hari:JAKIM	Bernama.com
11	JAKIM, umat Islam boleh saman syarikat pengeluar coklat - Peguam	Bernama.com
12	Use of proper helmets still low, says dept	The Malay Mail
13	Kesedaran penggunaan topi keledar tepati piawaian masih rendah - JKJR	Bernama.com
14	ECERDC sasar tambah 100 usahawan Terengganu serta program pembangunan sebelum akhir tahun	Bernama.com
15	KPDNKK tahan remaja disyaki muat turun lagu, filem tanpa kebenaran	Bernama.com

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 34  
TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)



## Malaysia keluar ubat sendiri 2 tahun lagi

DR Abu Bakar (dua dari kanan) dan Dr Hilmi (tiga dari kanan) diberi penerangan mengenai operasi InnoBio.

**Nilai:** "Selepas ini kita (Malaysia) akan ada ubat sendiri, tidak perlu membelinya lagi dari negara luar. Kerajaan sasarkan tempoh pelaksanaan itu dua tahun, malah kos berbilion ringgit setahun dikeluarkan negara dapat dikurangkan," kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Beliau berkata, kerajaan dalam usaha menghasilkan ubat-ubatan berasaskan biologik selepas menyedari kos pembelian ubat dari luar negara terlalu tinggi.

Menurutnya, kementeriannya kini bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan melantik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) Inno Biologics Sdn Bhd (InnoBio) untuk menghim-punkan kepakaran dan kajian bagi menghasilkan ubat-ubatan buatan tempatan.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja ke ki-

lang InnoBio di Persiaran Negeri, di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya yang disambut Ketua Pegawai Eksekutif InnoBio Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie.

Dr Abu Bakar berkata, InnoBio ditubuhkan pada 2002 adalah satu daripada 23 GLC dalam negara dan menerima kontrak menghasilkan ubat-ubatan berasaskan biologik dari Korea Selatan.

Katanya, biarpun begitu, kerajaan tidak pernah menghasilkan ubat sendiri tetapi hanya menerima kontrak penghasilannya menerusi kepakaran luar negara.

"Pada hari ini, kita (MOSTI) dan KKM bersepakat menggunakan 116 pakar yang ada di kilang ini (InnoBio) untuk menghasilkan ubat kita sendiri," katanya.

Menurutnya, kos sebanyak RM150 juta digunakan bagi penambahan infrastruktur serta kajian.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**



## **MOSTI Dan Kementerian Kesihatan Jalin Kerjasama Strategik Hasil Ubatan Biologik**

NILAI, 26 Mei (Bernama) -- Menyedari akan kepentingan ubatan biologik kepada industri dan negara, **Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** bersama Kementerian Kesihatan, menjalin kerjasama dan menyusun strategi untuk membantu dan memastikan **Inno Biologics Sdn Bhd (Inno Bio)** mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

**Ketua Pegawai Eksekutif Inno Bio Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie** berkata kerjasama strategik ini telah membuka peluang kepada penghasilan ubatan biologik yang bukan sahaja selamat dan efektif, malah pada harga yang berpatutan.

"Fokus utama Inno Bio kini ialah memberi penekanan kepada pembangunan dan pengkomersilan ubatan biosimilar dan anti kanser, sejajar dengan permintaan pasaran Malaysia serta global," katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja **Timbalan Menteri Sains Teknologi Dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** dan Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya ke Inno Bio di sini, Isnin.

Inno Bio, anak syarikat Inno Bio Ventures Sdn Bhd, syarikat yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan, ditubuhkan pada 2002 di bawah kawal selia MOSTI.

Dr Ahmed Tasir berkata Inno Bio telah mengenal pasti beberapa rakan strategik yang berjaya membangunkan produk biosimilar di negara mereka seperti Korea, India, Iran dan benua Eropah untuk bekerjasama dengan syarikat.

Dalam kerjasama strategik itu, Inno Bio akan bertanggungjawab kepada pendaftaran dan pengkomersilan produk-produk tersebut, katanya.

Beliau berkata produk biologik lebih efektif daripada kaedah kemoterapi yang menggunakan sinar radiasi.

"Jelaslah bahawa biologik lebih sesuai untuk perubatan kanser. Bagaimanapun, kosnya adalah tinggi. Oleh itu, Inno Bio mengambil keputusan untuk memberi fokus tambahan untuk pengkomersilan produk biologik bagi membantu negara menangani cabaran ini. Ubatan berdasarkan bioteknologi diramal mendominasi kaedah rawatan di masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Abu Bakar berkata sudah tiba masanya Malaysia bergerak ke arah program pembangunan ubatan biologik melalui platform Aset Sekuriti Biofarmaseutikal Negara.

"Ia sebagai langkah strategik negara jika berlaku perkara yang tidak diingini seperti perang, penularan wabak penyakit kronik dan sekatan ekonomi atau pun atas sebab-sebab lain yang boleh mendatangkan implikasi yang amat buruk terhadap pembekalan ubatan negara.

Dengan adanya fasiliti seperti Inno Bio ini, seandainya diwartakan sebagai Aset Sekuriti Biofarmaseutikal Negara, ia dapat memainkan peranan kritikal untuk pembekalan berterusan keperluan ubat penting yang menyelamatkan nyawa kepada rakyat," katanya dan menyatakan keyakinan Inno Bio boleh menjadi antara aset strategik negara untuk sektor biofarmaseutikal.

Hilmi pula berkata kementeriannya komited untuk memastikan rakyat mendapat ubatan berkualiti dengan harga berpatutan dan kementerian akan terus menyokong syarikat Malaysia yang ingin mengeluarkan ubatan genetik yang berkualiti tinggi dengan harga yang murah.

Inno Bio ialah sebuah syarikat pengilangan kontrak bioteknologi berasaskan sel mamalia yang berkeupayaan untuk menghasilkan produk biofarmaseutikal yang bukan sahaja selamat dan efektif, malah pada harga yang berpatutan.

Inno Bio berfungsi sebagai penggalak kepada perkembangan industri bioteknologi yang merupakan antara penyumbang kepada perkembangan ekonomi dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Penubuhan Inno Bio selaras dengan dasar bioteknologi negara yang dilancarkan pada 2005 yang antara lain menekankan pembangunan penjagaan kesihatan bioteknologi, pembangunan bioteknologi perindustrian, penyelidikan dan pembangunan serta pemerolehan teknologi dan pembangunan modal insan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 1  
TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)

ISU 2 PRODUK CADBURY ADA DNA BABI

# COKLAT KELUAR SALURAN SAMA DIUJI

// Ujian kesihihan kandungan akan dibuat oleh Jabatan Kimia, keputusan diketahui dalam tempoh 7 hari bekerja

// JAKIM hantar Pasukan Pemantau dan Penguatkuasaan Halal periksa rantaian pengeluaran produk Cadbury

// Cadbury beri jaminan akan bekerjasama dengan JAKIM dan pihak berkuasa lain

● BERITA MUKA 6, 7

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**

# JAKIM arah coklat Cadbury jalani ujian

» Keputusan makmal Jabatan Kimia tentukan kesahihan isu DNA babi

Oleh Haika Khazi  
mfaizul@bharian.com.my

Putrajaya

Semuai coklat jenama Cadbury yang melalui saluran pemprosesan sama dengan dua produk dikesan mengandungi DNA babi (porcine), diarah oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) supaya menjalani ujian kesahihan kandungan kendalian Jabatan Kimia.

Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha, berkata tindakan terbabit diambil kerana khawatir DNA babi itu turut berada dalam semua produk berkenaan berikutan melalui saluran pemprosesan yang sama.

"Jabatan Kimia akan mengerakkan keputusan muktamad mengenai ujian terbabit dalam masa tujuh hari bekerja sebelum diserahkan kepada JAKIM sebagai pengesahan rasmi, sama ada semua produk terbabit mengandungi DNA babi atau tidak."

"Analisis Jabatan Kimia perlu kerana JAKIM dan jabatan agama Islam setiap negeri hanya mengiktiraf makmal milik jabatan terbabit untuk proses pensijilan halal seperti ditetapkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia," katanya.



BH Ahad melaporkan JAKIM gantung sijil halal produk coklat Cadbury.

“Semua pihak digesa tidak membuat tindakan terburu-buru dalam isu ini bagi mengelak keresahan awam, sebaliknya menyerahkan tindakan selanjutnya kepada pihak berkuasa”

Othman Mustapha,  
Ketua Pengarah JAKIM

ran maklumat.

"Sebarang penemuan oleh mana-mana agensi yang membabitkan isu halal perlu diselaraskan bersama JAKIM dan jabatan agama Islam negeri selaku pihak berkuasa berhubung dalam pensijilan halal mengikut Akta Perihal Dagangan 2011.

"Oleh yang demikian, kenyataan berhubung isu halal, hanya akan dikeluarkan JAKIM bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat," katanya.

Beliau ditemui selepas mempergerakkan mesyuarat khas bersama wakil Kementerian Kesihatan; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Kimia dan Jabatan Standard berkaitan penemuan DNA Porcine dalam dua produk coklat susu jenama Cadbury keluaran Cadbury Confectionary (M) Sdn Bhd.

#### Dapat maklumat lanjut

Mesyuarat itu antara lain bertujuan mendapatkan maklumat lanjut berhubung penemuan analisis DNA porcine bagi coklat susu dengan kacang hazel bagi nombor kelompok (Batch no) 200813M01H2 dan coklat susu dengan buah badam bagi nombor kelompok (Batch No) 221013 N01R10 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), Sungai Buloh, Kementerian Kesihatan.

Othman berkata, makmal Jabatan Kimia juga diwartakan sebagai makmal yang kompeten dalam menjalankan analisa maknan, selain mempunyai akreditasi Jabatan Standard Malaysia mengikut Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025: 2005 bagi pengujian DNA termasuk pengujian produk maknan terpilih.

Sehubungan itu, katanya, semua pihak digesa tidak membuat tindakan terburu-buru dalam isu ini bagi mengelak keresahan awam, sebaliknya menyerahkan tindakan dan keputusan selanjutnya kepada pihak berkuasa.

Terdahulu, wakil pengurusan syarikat pengeluar coklat terbabit turut hadir memberi penjelasan berhubung isu terbabit kerana kedua-dua produk yang dikesan mengandungi DNA babi itu mempunyai logo halal yang dikeluar-

kan JAKIM.

Othman berkata, sebagai kawan dalam alam, JAKIM juga akan menghantar sepasukan pegawai ke kilang syarikat itu untuk melakukan pemantauan dan ujian berkala terhadap produk dan kandungan kritis (seperti ramuan berbasaskan haiwan) di makmal yang mempunyai akreditasi Jabatan Standard Malaysia mengikut SAMM.

Katanya, Kementerian Kesihatan juga akan menghantar secara rasmi laporan hasil penemuan analisis kedua-dua sampel produk berkenaan kepada JAKIM bagi melengkapkan siasatan berhubung kes terbabit.

Beliau berkata, semua agensi perlu menjaga aspek integriti bagi manfaat semua pihak iaitu pengguna dan industri, demi menjaga kredibiliti pensijilan halal Malaysia, meliputi aspek kesahihan dan penye-

## Kementerian Kesihatan lawat kilang minggu ini

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan tidak menolak kemungkinan kewujudan DNA babi (porcine) dalam dua produk coklat susu jenama Cadbury, berlaku akibat pencemaran dalam rantaian proses pembuatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata pihaknya akan melawat kilang pembuatan coklat terbabit minggu ini dalam siasatan lanjut bagi menentukan kesahihan perkara itu.

"Sama ada disengaja atau sebaliknya, kita tidak dapat tentukan ketika ini, kerana siasatan lanjut perlu sebelum sebarang tindakan susulan diambil."

"Siasatan dijalankan mengikut Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985," ka-

tanya pada sidang media, di sini semalam.

Sabtu lalu, Kementerian Kesihatan mengesahkan analisis sampel terhadap dua produk Cadbury iaitu coklat susu dengan kacang hazel dan coklat susu dengan buah badam, masing-masing mempunyai nombor kelompok serta tarikh luput 200813M01H12 (13 November 2014) dan 221013N01R11 (15 Januari 2015) mengandungi DNA babi.

Susulan pengesahan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menggantung serta-merta sijil pengesahan halal terhadap dua produk terbabit.

Tingkat pemantauan Dr Subramaniam berkata, Kementerian Kesihatan akan me-

ningkatkan pemantauan dan periksa terhadap coklat jenama lain dalam pasaran bagi memastikan ia benar-benar bebas daripada sebarang pencemaran unsur babi atau penggunaan label tidak sah.

Beliau berkata, pemeriksaan itu meliputi semua produk bagi memastikan ia memenuhi piawaian makanan serta pelabelan mengikut Akta Makanan 1983.

"Pihak industri dan pengimpor perlu bertanggungjawab memastikan semua produk keluaran dan yang diimport mematuhi akta serta peraturan berkenaan. Mereka berhak meletakkan sebarang kandungan dalam makanan tetapi perlu diisyiharkan pada label."

"Prosedur operasi standard

Dr Subramaniam menunjukkan label pada bungkusan coklat Cadbury pada sidang media berkaitan isu DNA babi yang terkandung di dalam coklat itu di Putrajaya, semalam. [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

(SOP) yang kita lakukan termasuk memeriksa sama ada bahan yang diletakkan dalam sesuatu produk makanan adalah bahan makanan yang sanggup ditambah atau pencemaran.

"Jika ditambah (bahan) dan tidak dijelaskan dalam label, ia adalah satu kesalahan besar dan boleh diambil tindakan termasuk hukuman penjarai sehingga tiga tahun," katanya.



**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 7  
TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**

# Peniaga di Langkawi tak peka

» Dua produk coklat susu digantung sijil halal masih dijual secara berleluasa

Oleh Diyanah Anuar  
diyanah@bh.com.my

## Langkawi

Tidak sensitif dan kurang peka! Itulah tanggapan tepat mengenai sikap peniaga di pulau bebas cukai ini yang masih menjual seperti biasa, dua produk coklat susu jenama Cadbury yang digantung sijil halal kerana dikesan mengandungi DNA babi.

Tinjauan BH mendapati hanya satu daripada lima premis yang menjadi tumpuan pelancong di sekitar Pekan Kuah, menghentikan penjualan produk coklat terbabit.

Tindakan itu membuktikan tindakan penariakan sijil pengesahan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) seolah-olah tidak mendatangkan kesan.

### Masih jual produk

Tinjauan mendapati, premis terbabit masih meletakkan kedua-dua produk jenama itu pada rak jualan seperti biasa, walaupun pengesahan mengenai statusnya yang disahkan mengandungi DNA babi sudah dikeluarkan JAKIM berkuat kuasa Sabtu lalu.

Alasan diberikan, dua produk yang ditarik balik status halalnya itu hanya membuktikan keluaran dalam negara sahaja, sebaliknya yang dijual mereka membabitkan produk import.



Coklat Cadbury Dairy Milk Hazel Nut dan Roast Almond yang mempunyai DNA babi masih dijual di beberapa kedai di Langkawi, manakala gambar kecil menunjukkan snek coklat Mars Minis juga turut kelihatan.

Ketika ditemui, petugas sebuah kedai bebas cukai di sini, mengakui sedar mengenai penariakan sijil halal untuk dua produk jenama terbabit, namun menegaskan tempat nya bekerja hanya menjual produk Cadbury diimport.

"Pengurusan kami kata coklat Cadbury yang sijil halal ditarik balik itu adalah produk dihasilkan di Malaysia dan bukannya produk import yang kami jual. Walaupun tiada logo halal pada bungkusnya, namun produk yang kami jual di sini mempunyai pengesahan halal."

"Kedai kami memang tidak jual coklat import yang tidak disahkan halal kerana bertentangan polisi perniagaan syarikat ini," katanya yang enggan namanya disiarkan.

Seorang lagi pekerja kedai bebas cukai yang ditemui, me-

ngakui ramai pelanggan risau untuk berbelanja dan terbukti kebanyakannya akan bertanyakan status halal coklat yang kami jual setiap kali masuk premis.

"Namun, ini bukan perkara baru kerana sebelum ini pun sudah timbul pelbagai isu mengenai coklat tidak halal yang dijual, sebab itu kami sediakan nota mengenai pengesahan status halal untuk sesetengah produk yang kadangkala diragui statusnya oleh pengguna," katanya.

### Ambil tindakan


Kelmarin, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata pihaknya mungkin menggunakan Akta Perihal Dagangan untuk bertindak terhadap peniaga ter-

masuk di pulau ini, yang tidak menarik balik jualan dua produk yang dibatalkan sijil halal terbabit daripada pasaran.

Pengunjung kedai bebas cukai, Siti Rahmah Jamal, 52, mengakui mengelak membeli coklat di pulau ini susulan isu terbaru ini.

Pengunjung, Meor Azhar Che Saffry, 31, menggesa pihak berkuasa melakukan pemeriksaan menyeluruh terhadap semua produk makanan yang dijual termasuk di Langkawi, bagi mengesahkan status halal yang digunakan pengeluar.

"Apabila terjadi perkara seperti ini, pengguna bimbang dan tidak yakin dengan makanan dalam pasaran. Lebih elok jika ada senaraian atau panduan lengkap untuk rujukan pengguna bagi mengetahui status halal produk yang dijual," katanya.



Azwanddin menunjukkan coklat Cadbury ketika sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO MIOR AZFAR MIOR KAMARULBAID/BH]

## JMM terima 700 e-mel mahu saman pengeluar

**Kuala Lumpur:** Jaringan Melayu Malaysia (JMM) mendakwa menerima lebih 700 e-mel daripada pengguna yang mahu memfaikkan saman terhadap pengeluar dua coklat susu Cadbury yang disahkan mengandungi DNA babi.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu mendakwa ia merangkumi lebih 50 individu yang memiliki resit dan bukti pembelian dua produk coklat terbabit.

Presiden JMM, Azwanddin Hamzah, berkata semua aduan itu akan diserahkan kepada Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam) untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, antara akta yang dipertimbangkan JMM dan SukaGuam untuk dikemukakan bagi tindakan undang-undang adalah Seksyen 50, Akta Perlindungan Pengguna.

### Syarikat tipu umat Islam

"Syarikat itu menipu umat Islam dan komuniti Melayu yang menjadi pelanggan utama mereka di negara ini."

"Sebanyak 80 NGO Melayu Islam bersatu untuk memfaikkan saman terhadap Cadbury, dengan anggaran saman bernilai RM100 juta," katanya pada sidang media bersama SukaGuam di sini, semalam.

Azwanddin berkata, NGO itu turut menggalakkan umat Islam mengambil tindakan terhadap Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan kerana didakwa lewat mengesan produk coklat yang mengandungi DNA babi dalam produk terbabit.

Katanya, selain permohonan maaf daripada syarikat pengeluar coklat itu, JAKIM dan Kementerian Kesihatan, seharusnya membuat tindakan sama berikut kelewatan mereka mengesan DNA babi dalam produk terbabit.

Beliau berkata, JMM turut menghantar memorandum kepada JAKIM dan Kementerian Kesihatan berhubung kemarahan umat Islam yang tertipu dengan penjualan produk itu.

"Mungkin ada ketirisan sehingga sewenang-wenangnya DNA babi ada dalam coklat," katanya.

Azwanddin berkata, penjualan produk itu adalah penipuan jahat yang harus dibendung dan tidak patut berulang.

"Bagi masyarakat Islam, ini adalah penghinaan yang tidak boleh diterima alak. Tidak sepatutnya produk itu dipasarkan di Malaysia," katanya.

# Cadbury hanya tarik dua produk ada DNA babi

**Kuala Lumpur:** Cadbury Confectionery (M) Sdn Bhd setakat ini hanya menarik balik dua produk coklat susu Cadbury Dairy Milk selepas ia dikesan mengandungi DNA babi.

Dalam kenyataan malam tadi, Cadbury Confectionery memberi jaminan akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pihak berkuasa lain bagi menyelesaikan isu itu.

Katanya, JAKIM sudah menghantar sampel produk terbabit bersama produk lain yang dikeluarkan melalui saluran pemprosesan sama di kilang milik syarikat itu bagi dilakukan ujian makmal se-terusnya.

### Pelanggan diutamakan

"Kami memahami betapa status halal adalah kritikal kepada kita di Malaysia. Syarikat

sedar isu ini menjadi tekanan kepada semua pihak namun memberi jaminan bahawa tiada yang lebih penting dari pada keyakinan pelanggan ke atas produk kami."

"Ketika ini kami sedang aktif menarik balik dua kumpulan produk Cadbury Dairy Milk iaitu Hazelnut 175 gram bertarikh luput pada 13 November 2014 dan Roast Almond 175 gram bertarikh lu-

put 15 Januari 2015," katanya.

Kelmarin, akhbar melaporkan, JAKIM menggantung sijil halal dua produk keluaran Cadbury Dairy Milk, berkuat kuasa serta-merta selepas Kementerian Kesihatan mengesan DNA babi dalam produk terbabit.

Beliau berkata, setakat ini tiada produk keluaran Cadbury terjejas dengan ujian yang dilakukan JAKIM.

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 12  
TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**

## Keputusan status halal tujuh hari lagi

**PUTRAJAYA** - Keputusan rasmi berhubung status halal berikutan penemuan asid deoksiribonukleik (DNA) babi dalam dua sampel coklat Cadbury akan diumum sebaik keputusan analisis Jabatan Kimia diperolehi dalam tempoh tujuh hari.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha berkata, perkara itu diputuskan dalam mesyuarat khas Jakim bersama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Standard Malaysia.

"Jakim telah menghantar sampel kedua-dua produk berkenaan dan produk-produk lain dalam aliran pemprosesan yang

sama di kilang tersebut ke makmal untuk diuji.

"Isu halal hanya dikeluarkan oleh Jakim bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat awam. Ekoran itu, sebarang penemuan oleh mana-mana agensi yang melibatkan isu halal perlu diselaraskan bersama Jakim selaku pihak berkuasa yang berwibawa dalam pensijilan halal mengikut Akta Perihal Dagangan 2011," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Othman lagi, Jakim turut menetapkan pemegang Sijil Halal Malaysia perlu membuat pengujian berkala bagi produk dan ramuan kritikal (seperti ramuan berdasarkan haiwan) di makmal yang telah mendapat akreditasi Jabatan Standard Malaysia.



INILAH dua produk coklat Cadbury yang mengandungi DNA babi.

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (ISU COKLAT CADBURY) : MUKA SURAT 2**  
**TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**

## Tujuh hari tempoh beri keputusan analisis

**SHAH ALAM** - Jabatan Kimia Malaysia akan mengeluarkan keputusan analisis dua coklat keluaran Cadbury Confectionary Malaysia Sdn Bhd yang diserahkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam tempoh tujuh hari bekerja.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha berkata, keputusan yang akan dikeluarkan oleh makmal Jabatan Kimia itu akan menjadi keputusan rasmi bagi isu ini.

"Jakim juga turut menghantar sampel produk lain dalam aliran pemprosesan yang sama di kilang tersebut ke makmal sama untuk tujuan pengujian.

"Ia setelah Kementerian Kesihatan menghantar secara rasmi laporan hasil penemuan analisis kedua-dua sampel produk berkenaan kepada Jakim bagi melengkapkan ujian itu," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, demikian setelah mendapat kata putus daripada hasil mesyuarat khas bersama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Standard Malaysia

berkaitan isu penemuan DNA Porsin dalam produk coklat susu dengan kacang hazel dan coklat susu dengan buah badam.

Menurutnya, sebarang penemuan oleh mana-mana agensi yang melibatkan isu halal perlu diselaraskan bersama Jakim atau Jabatan Agama Islam Negeri selaku pihak berkuasa berwibawa dalam pensijilan halal di bawah Akta Perihal

Dagangan 2011.

"Bagi tujuh-an pengawalan dalaman pula, selain daripada pemantauan berkala dibuat oleh Jakim, pihak-

nya juga

akan menetapkan pemegang Sijil Halal Malaysia perlu membuat pengujian berkala bagi produk dan ramuan kritikal.

"Termasuk ramuan berdasarkan haiwan di makmal yang telah mendapat akreditasi Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)," katanya.

Tambahnya, Jakim juga telah menghantar pasukan pemantauan dan penguatkuasaan halal Jakim untuk membuat pemeriksaan ke atas seluruh rantaian pengeluaran produk syarikat Cadbury.

"Ia merangkumi bahan mentah, aliran pemprosesan, penyimpanan, peralatan dan lain-lain sebagai sebahagian daripada proses siasatan yang sedang dilaksanakan.

"Sehubungan dengan itu, semua pihak digesa untuk tidak membuat tindakan terburu-buru dalam isu ini bagi mengelak keresahan awam, sebaliknya menyerahkan tindakan dan keputusan selanjutnya kepada pihak berautoriti," katanya.

Jelasnya, Jakim akan membuat kenyataan media sebaik sahaja keputusan dari makmal jabatan kimia diperoleh.



**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**

**SUSULAN PRODUK DNA BABI**

# JAKIM periksa rantaian pengeluar

**■ Hantar sampel untuk ujian kesahihan halal**

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my

**Putrajaya**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sudah menghantar pasukan Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal untuk membuat pemeriksaan ke atas seluruh rantaian pengeluaran produk syarikat Cadbury Confectionary (M) Sdn Bhd (Cadbury).

Ketua Pengarahnya Datuk Othman Mustapha berkata, ia merangkumi bahan mentah, aliran pemprosesan, penyimpanan dan peralatan sebagai melengkapkan proses siasatan yang sedang dijalankan.

Beliau berkata, mesyuarat tiga jam antara JAKIM, dua kementerian dan agensi kerajaan semalam memutuskan untuk menghantar semua sampel produk berasaskan coklat milik Cadbury untuk ujian dan analisis kesahihan halal.

"Selain dua sampel utama, kami turut menghantar sampel produk lain coklat jenama Cadbury ke makmal Jabatan Kimia Malaysia untuk menjalani ujian berkenaan bagi mendapatkan



OTHMAN

maklumat jelas mengenai penemuan analisis DNA Porcine dalam dua sampel coklat itu sebelum ini.

"Sampel yang dihantar untuk analisis termasuk dua sampel utama iaitu produk coklat susu dengan kacang hazel-Cadbury Dairy Milk Hazelnut dan coklat susu dengan buah badam-Cadbury Dairy Milk Roast Almond serta sampel produk lain dalam aliran pemprosesan yang sama di kilang syarikat pengeluar coklat itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas bersama empat agensi berkaitan disini, semalam.

Desyuarat khas itu turut disertai wakil dari Kementerian Kesihatan; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Keppenggunaan (KPDNKK); Jabatan Standard Malaysia dan Jabatan Kimia Malaysia.

Othman berkata, keputu-

**FAKTA**  
*Makmal Jabatan Kimia Malaysia adalah makmal rasmi yang digunakan oleh JAKIM*

san analisis yang akan diluarkan Jabatan Kimia Malaysia itu akan diketahui dalam tempoh tujuh hari bekerja dan akan digunakan sebagai keputusan rasmi bagi isu berkenaan.

Menurutnya, mesyuarat khas itu diadakan untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung penemuan analisis DNA porcine dua produk berkenaan menerusi kaedah persampelan; penyelaras maklumat analisis antara agensi dan tindakan lanjut yang bakal diambil oleh pihak berkaitan.

Katanya, makmal Jabatan Kimia Malaysia adalah makmal rasmi yang digunakan oleh JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam pensijilan halal seperti ditetapkan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.

Kementerian Kesihatan juga akan menghantar secara rasmi laporan hasil penemuan analisis kedua-dua sampel produk berkenaan kepada JAKIM bagi melengkapkan hasil siasatan.

"Sebarang penemuan oleh mana-mana agensi membabitkan isu halal pula perlu diselesa bersama JAKIM/JAIN, malah kenyataan berhubung isu halal hanya akan dikeluarkan oleh JAKIM sahaja bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat," katanya.

Katanya, pihaknya menasihatkan semua pihak tidak terburu-buru dalam isu ini bagi mengelak keresahan awam, sebaliknya menyerahkan tindakan dan keputusan selanjutnya kepada pihak berkuasa.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9  
TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**

## Jakim buat pemeriksaan menyeluruh

KUALA LUMPUR 26 Mei - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah menghantar Pasukan Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal untuk membuat pemeriksaan ke atas seluruh rantaian pengeluaran produk syarikat Cadbury Confectionary (M) Sdn. Bhd. (Cadbury) berhubung penemuan Asid Deoksiribonuklik (DNA) babi (*porcine*) dalam dua sampel coklat keluaran syarikat itu baru-baru ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Othman Mustapha berkata, siasatan itu merangkumi bahan mentah, aliran pemprosesan, penyimpanan serta peralatan dan tindakan tersebut merupakan sebahagian daripada proses siasatan yang sedang dilaksanakan.



**OTHMAN MUSTAPHA**

Malah beliau menjelaskan, dalam satu mesyuarat khas yang diadakan antara jabatan itu bersama beberapa kementerian dan agensi memutuskan supaya Kementerian Kesihatan perlu menyerahkan secara rasmi laporan hasil penemuan analisis kedua-dua sampel produk berkenaan kepada Jakim bagi melengkapkan hasil siasatan.

"Selain itu sebarang penemuan oleh mana-mana agensi yang melibatkan isu halal perlu diselaraskan bersama Jakim atau jabatan agama Islam negeri (JAIN) selaku pihak berkuasa yang berwibawa dalam pensijilan halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

"Oleh yang demikian, kenyataan berhubung isu halal hanya

akan dikeluarkan oleh Jakim bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat," katanya dalam kenyataan susulan mesyuarat khas yang diadakan antara Jakim dan Kementerian Kesihatan; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan; **Jabatan Kimia Malaysia** serta **Jabatan Standard Malaysia** di sini hari ini.

Othman memberitahu, bagi tujuan pengawalan dalaman, selain pemantauan berkala, Jakim juga akan menetapkan pemegang Sijil Halal Malaysia perlu membuat pengujian berkala bagi produk dan ramuan kritikal (seperti ramuan berasaskan haiwan) di makmal yang telah mendapat akreditasi Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025 : 2005.

# Health Ministry to check all Cadbury products

**THOROUGH:** Raw materials, tools and processes are being scrutinised

ELVINA FERNANDEZ  
PUTRAJAYA  
elvina@nst.com.my

**T**HE Health Ministry will conduct thorough analysis on all Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd (Cadbury) products soon to ensure that they are not contaminated by pig DNA (porcine).

This followed the detection of porcine in the samples of Cadbury Dairy Milk Hazelnut and Cadbury Dairy Milk Roast Almond in a recent analysis by the ministry.

"The ministry is investigating



**Datuk Othman Mustapha** says only Jakim will issue a statement on halal-related matters

Cadbury under the Food Act 1983 and Food Regulations 1985 to determine whether Cadbury had, with or without intention, put the pig DNA in their dairy milk chocolate products," Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam said.

He also did not dismiss the pos-

sibility that it was due to contamination along the production chain.

Meanwhile, Islamic Development Department director-general Datuk Othman Mustapha said Cadbury's production chain, including raw materials, equipment and processes, were being checked.

Othman said a special meeting was called yesterday between Jakim, Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry, Chemist Department, Health Ministry and Malaysia Standards Department officers.

"Jakim has sent the samples of the two chocolates obtained from the same processing line to the Chemist department for testing.

"We have agreed that the Health Ministry send its analysis to us to complete our investigations," he said, adding that any findings by government agencies on halal matters should be coordinated with Jakim.

Othman also said to avoid confusions, only Jakim would issue a statement on halal-related matters.

Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism enforcement director Mohd Roslan Mahayuddin said operators of premises found to have insisted on selling the two Cadbury products, which were recalled two days ago, would face a fine of up to RM100,000 or three years' jail, or both, if convicted.

"For a corporation, they could face a maximum fine of RM250,000."

Cadbury, in a statement, said the two products had been recalled, adding no other Cadbury products were affected by the test.

"We met with Jakim officials earlier today (yesterday) and will continue to extend our fullest cooperation. We understand the urgency and how critical halal is to the community."

# Accidentally contaminated?

> More studies to determine source of porcine DNA in Cadbury chocolates

BY VATHANI PANIRCHELLUM AND BERNARD CHEAH  
newsdesk@thesundaily.com

**PUTRAJAYA:** The health ministry will conduct further investigations to determine the origin of the porcine DNA found in the Cadbury chocolates.

Its minister, Datuk Seri Dr S. Subramaniam, said this was because the source and origin of the porcine (pig) DNA still remained unknown.

"We need to know if it was a case of accidental contamination

or if there were additional ingredients in the chocolates not stated on the label," he said at a press conference here yesterday.

Traces of the porcine DNA were found in Cadbury Dairy Milk Hazelnut (batch number 200813MoH I2 that expires on Nov 13, 2014) and Cadbury Dairy Milk Roast Almond (batch number 221013No1R II that expires on Jan 15, 2015) following random tests carried out by the ministry on the products taken from shelves in Perlis and Kedah in February this year.

Subramaniam said it was during a random surveillance that the ministry stumbled onto the findings.

"It was not a deliberate testing," he said, adding that it came to light only in May after

the various stages of testing were completed.

It took three months to conduct a thorough testing of the Cadbury products.

Unfortunately, Subramaniam said, the report was leaked in the social media before there could be an official announcement.

"For now, it is not known what is the cause for the porcine DNA to be present; it could be a case of unintended contamination that could have occurred anywhere in the supply chain ...," he said.

Subramaniam said if it was an act of irresponsibility, then action will be taken under the Food Act 1983.

"We must be very sure before we take action as food products that contain either bovine or porcine ingredients must be

stated in the label. If they do so, there isn't a problem," he added.

Meanwhile, Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) has sent samples of chocolate which is believed to have traces of porcine DNA for testing.

Jakim director-general Datuk Othman Mustapha said samples from two chocolate products and other products from the processing line of the Cadbury Confectionary (M) Sdn Bhd factory in Sungai Buloh have been sent to the Chemistry Department for testing.

"The Chemistry Department will issue the results of the analysis within seven working days to Jakim, and it will be the official statement on this matter," he said in a statement.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**



## **Keputusan Rasmi Status Halal Coklat Cadbury Dalam Tempoh Tujuh Hari: JAKIM**

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Keputusan rasmi berhubung status halal berikutnya penemuan DNA khinzir dalam dua sampel coklat Cadbury akan diumum sebaik keputusan analisis Jabatan Kimia diperolehi dalam tempoh tujuh hari.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Datuk Othman Mustapha berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat khas Jakim bersama-sama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Standard Malaysia.

"Makmal Jabatan Kimia merupakan makmal rasmi digunakan Jakim atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam pensijilan halal sebagaimana yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia," katanya dalam kenyataan selepas mesyuarat berkenaan di sini Isnin.

Beliau berkata makmal itu juga telah diwartakan sebagai makmal makanan yang kompeten dalam menjalankan analisis makanan selain mendapat akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025: 2005 bagi pengujian DNA termasuk bagi pengujian produk makanan terproses.

Dua sampel coklat keluaran Syarikat Cadbury Confectionary (M) Sdn. Bhd yang didapati mempunyai DNA khinzir ialah Cadbury Coklat Susu dengan Kacang Hazel (nombor kelompok 200813 M01H12) dan Cadbury Coklat Susu dengan Buah Badam (nombor kelompok 221013 N01RI1).

Othman berkata mesyuarat turut memutuskan supaya Kementerian Kesihatan menghantar secara rasmi laporan hasil penemuan analisis kedua-dua sampel produk berkenaan kepada Jakim bagi melengkapkan hasil siasatan.

Selain itu, katanya sebarang penemuan oleh mana-mana agensi yang melibatkan isu halal perlu diselaraskan bersama Jakim atau JAIN.

"Oleh itu kenyataan berhubung isu halal hanya akan dikeluarkan oleh Jakim bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat awam," katanya.

Menurutnya, Jakim turut menetapkan pemegang Sijil Halal Malaysia perlu membuat pengujian berkala bagi produk dan ramuan kritikal (seperti ramuan berasaskan haiwan) di makmal yang telah mendapat akreditasi Jabatan Standard Malaysia.

Pada masa sama, pihak Jakim telah menghantar pasukan pemantauan dan penguatkuasaan halal membuat pemeriksaan terhadap seluruh rantaian pengeluaran produk syarikat itu merangkumi bahan mentah, aliran pemprosesan, penyimpanan, peralatan dan lain-lain sebagai sebahagian proses siasatan.

"Jadi semua pihak digesa tidak membuat tindakan terburu-buru dalam isu itu bagi mengelak keresahan awam, sebaliknya menyerahkan tindakan dan keputusan selanjutnya kepada pihak berautoriti," katanya.

Di MUAR, kerajaan negeri Johor meminta Jakim menyiasat beberapa produk makanan lain yang dikatakan turut mengandungi DNA khinzir atau porsin bagi menentukan ia seratus peratus halal.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor Abd Mutualip Abd Rahim berkata langkah itu penting agar pengguna Islam tidak ditipu pihak tidak bertanggungjawab.

"Sesuatu produk halal bukan sahaja harus dilihat daripada sijilnya tetapi kandungannya juga mesti dari bahan yang benar-benar halal.

"Adalah menjadi tanggungjawab pengeluar makanan untuk memahami sensitiviti umat Islam dengan tidak mencampur bahan yang tidak halal dalam produk pengeluarannya," katanya kepada pemberita selepas program khidmat masyarakat dan bantuan rumah keluarga miskin bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Balang di Air Panas, Gerisek.

Beliau berkata Jabatan Agama Islam Johor akan memantau bukan sahaja pengeluar produk malah pusat pengeluar yang mempunyai sijil halal.

Pada masa sama, Abd Mutualip berkata umat Islam perlu memainkan peranan dengan memaklumkan kepada pihak berwajib jika mengetahui tentang penemuan bahan haram dalam produk makanan yang menggunakan tanda halal selain berhenti menggunakan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**



## **Jakim, Umat Islam Boleh Saman Syarikat Pengeluar Coklat - Peguam**

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan umat Islam yang mempunyai bukti serta berasa tertipu dengan syarikat pengeluar coklat Cadbury boleh mengemukakan saman menuntut ganti rugi, kata Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia Datuk Zainul Rijal Abu Bakar.

Beliau berkata Jakim disaran mengambil tindakan tegas terhadap Cadbury Confectionery (M) Sdn Bhd susulan penemuan DNA khinzir dalam dua produknya selain meminta syarikat itu memohon maaf secara terbuka dengan beberapa syarat lain.

"Saya menyarankan Jakim mengambil tindakan tegas terhadap syarikat pengeluar yang telah memberi salah representasi mengenai isu halal," katanya ketika dihubungi Bernama Isnin.

Katanya, Jakim perlu tegas untuk memberi pengajaran kepada syarikat terbabit dan semua pengeluar produk makanan supaya lebih sensitif dalam isu halal haram terutama bagi umat Islam.

Dua sampel coklat keluaran syarikat itu yang dilapor mengandungi DNA khinzir ialah **Cadbury Coklat Susu dengan Kacang Hazel (nombor kelompok 200813 M01H12)** dan **Cadbury Coklat Susu dengan Buah Badam (nombor kelompok 221013 N01RI1)**.

Dalam pada itu, Jakim berkata keputusan rasmi berhubung status halal berikutnya penemuan DNA khinzir dalam dua sampel coklat Cadbury itu akan diumum sebaik keputusan analisis Jabatan Kimia diperoleh dalam tempoh tujuh hari.

Mengulas isu sama, Pertubuhan Jaringan Melayu Malaysia (JMM) berkata ia akan bekerjasama dengan Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam) untuk menyediakan khidmat guaman kepada masyarakat Islam bagi menyaman syarikat itu.

"Bagi kalangan masyarakat Islam, ini adalah penghinaan yang amat dahsyat. Syarikat itu tidak sepatutnya keluarkan produk itu kerana ia turut menganiaya pekerja beragama Islam dalam syarikat itu sendiri," kata Presiden JMM Mohd Azwanddin Hamzah.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
THE MALAY MAIL (NEWS): MUKA SURAT 18  
TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)

# Use of proper helmets still low, says dept

KUALA TERENGGANU — The use of helmets which meet specifications is still low among motorcyclists and pillion riders.

Malaysian Road Safety Department director-general Datuk Dr Tam Weng Wah said not using helmets which were certified by Sirim was among factors for deaths in accidents involving motorcyclists and pillion riders in the country.

**“Actually, the awareness on the need to use helmets is there, but they use helmets which do not meet standards. They should use helmets which are certified by Sirim.”**

“Actually, the awareness on the need to use helmets is there, but they use helmets

**- Datuk Dr Tam Weng Wah**

which do not meet standards. They should use helmets which are certified by Sirim.

“Many are still using half-shell helmets and they can be penalised by the authorities. The helmet does not protect the face and cheeks in a mishap,” he told reporters after a Special Advocating Programme in Jalan Batu Buruk, here, yesterday.

Tam said 60 per cent of deaths in accidents in 6,917 cases in 2012 and 6,915 cases in 2013 involved motorcyclists and pillion riders. — Bernama

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**



## **Kesedaran Penggunaan Topi Keledar Tepati Piawaian Masih Rendah - JKJR**

KUALA TERENGGANU, 26 Mei (Bernama) -- Kesedaran penggunaan topi keledar yang menepati piawaian masih rendah dalam kalangan penunggang dan pembonceng motosikal, kata Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia Datuk Dr Tam Weng Wah.

Beliau berkata penggunaan topi keledar yang tidak menepati piawaian merupakan antara faktor penyumbang kematian dalam kalangan penunggang dan pembonceng motosikal yang terbabit kemalangan di negara ini.

"Sebenarnya, kesedaran penunggang dan pembonceng motosikal untuk memakai topi keledar sudah ada, tapi mereka pakai topi keledar yang tak menepati piawaian... mereka seharusnya menggunakan topi keledar yang diperakui oleh Sirim.

"Ramai yang masih pakai 'half shell helmet' dan mereka ini boleh disaman oleh pihak berkuasa, sebab bila pakai 'half shell helmet', ia tidak akan melindungi muka dan pipi kalau jatuh dan ini akan menyebabkan kepala pecah bila kemalangan," katanya kepada pemberita selepas program Advokasi Khas di Jalan Batu Buruk di sini Isnin.

Menurutnya, sebanyak 60 peratus kemalangan maut daripada 6,917 kes pada tahun 2012 dan 6,915 kes pada tahun 2013 adalah membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal.

"Penunggang dan pembonceng motosikal juga perlu menukar topi keledar setiap lima tahun sekali bergantung kepada penggunaan kerana ada kalanya topi keledar ini terjatuh dan menyebabkan materialnya tidak tahan lama...jadi untuk keselamatan, mereka perlu tukar baharu setiap lima tahun sekali," kata Tam.

Beliau juga mengingatkan ibu bapa supaya memastikan anak-anak memakai topi keledar dengan cara yang betul selain memakai topi keledar yang mengikut piawaian.

"Kanak-kanak ni masih kecil dan tulang mereka lembut, kalau mereka pakai topi keledar dengan cara yang salah, kepala mereka mungkin akan pecah jika terjadi sesuatu kemalangan...untuk ibu bapa, tolonglah pastikan anak-anak mereka benar-benar selamat," katanya

Sempena program tersebut, sebanyak 50 buah topi keledar penunggang motosikal tidak menepati piawaian ditukar baharu secara percuma.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**



## **ECERDC Sasar Tambah 100 Usahawan Terengganu Sertai Program Pembangunan Sebelum Akhir Tahun**

**Oleh Kamaliza Kamaruddin**

KUALA TERENGGANU, 26 Mei (Bernama) -- Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menyasarkan penambahan 100 lagi usahawan Terengganu dalam Program Pembangunan Keusahawanan ECER (EEDP), sebelum akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif ECER Datuk Jebasingam Issace John berkata sejak dilancarkan pada 2012, EEDP telah memberi manfaat kepada 334 usahawan dalam program EEDP-Agrobank, manakala 14 syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mendapat bimbingan pembangunan produk menerusi [\*\*program EEDP-SIRIM\*\*](#).

"Program EEDP-Agrobank meliputi usahawan dalam pelbagai sektor industri seperti pemprosesan makanan, pertanian & penternakan, peruncitan, premis makanan, perkhidmatan dan pelancongan.

"Program EEDP-SIRIM pula memfokuskan bimbingan keusahawanan dan pembangunan produk dalam sektor makanan dan produk halal," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Sejak diperkenalkan pada 2012, program EEDP telah memberi manfaat kepada lebih 1,000 usahawan di wilayah ECER dan daripada jumlah itu, seramai 348 daripadanya terdiri daripada usahawan Terengganu.

Beliau berkata menerusi bantuan pembiayaan Agrobank, usahawan berjaya meningkatkan keupayaan perniagaan mereka dari segi jumlah pendapatan dengan mencatat peningkatan purata sebanyak 30 peratus setahun.

"Dari segi peningkatan produk, sebanyak 78 syarikat IKS di wilayah ECER mencapai kualiti pengeluaran, penjenamaan, pembungkusan, pendaftaran produk yang lebih baik serta pensijilan halal, dengan 14 daripada syarikat tersebut membabitkan IKS di Terengganu.

"Pihak ECERDC akan meneruskan program EEDP ini dan mengharapkan lebih banyak lagi penyertaan daripada usahawan bagi merealisasikan matlamat jangka panjang pembangunan ekonomi wilayah ECER selaras matlamat kami mewujudkan aktiviti perniagaan dan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 27 MEI 2014 (SELASA)**



## **KPDNKK Tahan Remaja Lelaki Disyaki Muat Turun Lagu, Filem Tanpa Kebenaran**

PUTRAJAYA, 26 Mei (Bernama) -- Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menahan seorang remaja lelaki kerana disyaki memuat turun dan memuat naik lagu tempatan dan filem antarabangsa di laman web tanpa kebenaran pemilik hakcipta.

Pengarah Penguatkuasa KPDNKK Mohd Roslan Mahayudin berkata suspek berusia 18 tahun itu ditahan di rumahnya di Taman Larkin Perdana, Johor Baharu, Rabu lepas, selepas risikan dan pemantauan dibuat kira-kira sebulan.

"Serbuan dilakukan hasil aduan pemilik hak cipta dan orang ramai berhubung laman web yang dijadikan portal untuk memuat-turun atau tayangan (streaming) muzik-muzik tempatan dan filem antarabangsa tanpa kebenaran pemilik hakcipta," katanya pada sidang akhbar mengenai Ops Trident di sini Isnin.

Serbuan itu melibatkan 15 orang disertai Bahagian Penguatkuasaan KPDNKK, pegawai **Cybersecurity Malaysia** dan pegawai serta anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Bukit Aman, katanya.

Beliau berkata beberapa peralatan digital turut disita bernilai kira-kira RM15,000 termasuk komputer riba, komputer peribadi, broadband, router dan modem.

Mohd Roslan berkata suspek bagaimanapun tidak mengaku sebagai pemilik laman web www.godam.org yang memuat turun 20 lagu secara haram antaranya 'Kita' (Forteen), 'Doa' (Nora), 'Menyemai Cinta Bersamamu' (Nora), 'Titian Usang' (Yantzen) dan 'Cintaku' (Yantzen).

Manakala lapan filem kebanyakannya filem-filem terbaru turut ditayangkan tanpa kebenaran di portal itu termasuk "47 Ronin", "Gravity", "Ride Along", "Pacific Rim", "We Are The Millers", "The Hangover 3", "The Hobbit: The Desolation of Smaug" dan "The Wolverine", katanya.

Mengikut maklumat risikan, laman web itu turut dipromosikan di beberapa media sosial seperti Facebook yang turut dikongsi oleh pengguna-pengguna internet lain, kata beliau.

Katanya suspek ditahan dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Kontinen Johor Bahru untuk siasatan lanjut sebelum dibebaskan dengan jaminan polis dan kes disiasat di bawah Seksyen 41 1(D) Akta Hak Cipta 1987 dan Seksyen 51 (1)A akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan hukuman denda boleh dikenakan sekurang-kurangnya RM2,000 atau maksimum RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali," kata beliau.

Mohd Roslan berkata pihaknya akan menyerahkan notis secepat mungkin kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi menghalang orang ramai mengakses laman web itu.